

# Perspektif baru maju ekonomi desa

Kemudahan teknologi boleh dimanfaatkan bangunkan tanah pertanian

18/10/2006



## Aspirasi

Bersama

Radzi Latif

E-mel: radzilatif@yahoo.com

**D**ESA atau kampung menggambarkan sebuah kehidupan yang indah, damai, dan harmoni. Dalam bait puisi, desa sering digambarkan begitu indah dengan barisan bukit-bukau dan gunung-ganang membanjar, deru air sungai mengalir, lambaian daun kelapa serta kicauan nyanyian burung dan unggas.

Desa dihuni manusia yang hidup sederhana, berbudi bahasa dan berbudaya. Mereka hidup saling bergantung dengan alam berasaskan hubungan alami ekosistem yang sempurna. Kehidupan desa merangkumi manusia, flora, fauna dan alam yang menjalin hubungan begitu intim.

Dalam proses pembangunan dan perbandaran, desa semakin terpinggir. Keindahan desa hanya tinggal dalam bait puisi dan seni kata lagu. Desa semakin dipinggirkan, ditinggalkan oleh generasi muda terutama yang terpelajar dan berjaya. Anak desa yang berpendidikan cenderung ke bandar meninggalkan orang tua di desa.

Selain tarikan ekonomi di bandar, faktor sosial juga turut mengurangkan penghuni desa. Hari ini sebahagian penduduk desa hanya berumah di desa, tetapi keluar mencari rezeki di bandar. Mereka yang tidak menghuni kawasan desa kini beranggapan desa tidak lagi mampu bergantung hidup dengan sumber ekonomi alam semula jadi.

Mereka menganggap desa hanya menjadi tempat tinggal, tanpa aktiviti ekonomi berdaya maju seperti zaman dahulu. Maka itu, desa kini ada bukan saja tanah pertanian terbiar, tetapi juga banyak rumah usang yang ditinggalkan.

Hakikatnya, desa perlu dilihat dalam perspektif baru dengan visi dan misi baru. Desa tidak boleh dibiarkan hilang daripada peta geografi negara kerana ia adalah akar tunjang kepada kesinambungan hidup orang Melayu. Kekuatan politik Melayu masih berakar umbi di luar bandar. Kekuatan sumber alam juga masih di sana.

Sungguhpun nilai tanah orang Melayu di desa tidak setinggi tanah pegangan bebas atau tanah di bandar, namun nilai itu boleh berubah dan boleh ditingkatkan. Ia masih sangat bermakna kepada ekonomi Melayu.

Dari sudut ekonominya, paradigma baru perlu diterokai agar desa tidak lagi dilihat sebagai lokasi tidak produktif. Ekonomi

## INTI PATI

- Orang Melayu perlu membangunkan ekonomi dan imej desa dengan mengoptimalkan segala sumber yang terhad. Ubah wajah desa menjadi lebih menarik dari sudut ekonomi dengan menggableng sumber alam dan tenaga manusia secara intensif.

- Kehidupan berasaskan pertanian mesti dilihat dari skop menyeluruh dengan memilih tanaman lebih berharga dan mempunyai nilai komersial yang tinggi.

- Penanaman herba menggunakan teknologi moden seperti kaedah hidroponik dan fertigasi mampu meningkatkan sumber ekonomi desa memandangkan permintaan yang tinggi.

- Industri kampung berupaya mengubah tanggapan orang Melayu terhadap kehidupan di desa yang selama ini dipandang sepi generasi muda.

desa perlu berubah wajah dan imej umpamanya ia tidak harus disinonimkan dengan kawasan pertanian hanya untuk sara diri, kawasan saiz tanah yang kecil dengan sumber tenaga terbatas dan kononnya tidak berkualiti.

Cabaran kepada orang Melayu sekarang ialah berusaha dan berikhtiar merubah nasib orang luar bandar. Dengan berpegang kepada firman Tuhan: "Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum melainkan mereka sendiri yang mengubahnya," nasib bangsa Melayu boleh diubah tanpa perlu berhijrah meninggalkan desa. Namun, ia perlu kepada perubahan senario desa secara holistik.

Dengan keupayaan pengetahuan dan teknologi, bangsa Melayu mampu mengoptimalkan segala sumber yang terhad di desa. Ubah wajah desa menjadi lebih menarik dari sudut ekonomi dengan menggableng sumber alam dan sumber daya manusianya secara intensif.

Apabila sumber di desa dapat diman-

faatkan dan mampu merangsang pertumbuhan ekonomi, desa akan kembali meriah. Tidak mustahil orang akan kembali ke desa - berhijrah semula ke desa bagaikan belut pulang ke lumpur.

Kehidupan di desa masih perlu berasaskan pertanian tetapi pertanian itu mestilah dilihat dari skop yang luas dan menyeluruh. Sawah padi di desa dalam saiz yang kecil mungkin tidak begitu ekonomik. Tetapi dengan memilih tanaman yang lebih berharga, nilai tanah itu dapat ditingkatkan.

Tanaman sayur mungkin lebih bernilai. Sayuran pula boleh dipilih daripada jenis yang berkualiti dan mempunyai harga pasaran yang tinggi. Konsolidasi tanah sawah boleh menjadikannya estet penanaman yang mempunyai nilai komersial yang tinggi.

Pegaga adalah ulaman yang tumbuh sendiri di sekeliling rumah. Di kampung, pegaga tidak berharga kerana orang menggunakannya sebagai ulam. Di pasar basah harga ulam pegaga mungkin sekitar RM6 sekilogram. Pegaga hari ini bukan lagi sebagai ulam penambah selera, tetapi ia antara bahan penting dalam industri perubatan herba. Nilai pasaran pegaga kering sekitar RM60 sekilogram. Pegaga akan menjadi tanaman bernilai ekonomi sekiranya orang kampung mengusahakannya secara sungguh-sungguh. Ia perlu ditanam secara organik dengan menggunakan kaedah agronomi yang betul bagi mengekalkan mutu pengeluaran. Teknologi pertanian moden seperti kaedah hidroponik dan fertigasi akan menjadikan tanaman pegaga lebih produktif kerana ia boleh diusahakan dalam ruang tanah yang terhad.

Selain pegaga, serai adalah tanaman yang bernilai ekonomi. Selain pasaran segar untuk dapur, serai kini sudah dieksport. Ia mempunyai pasaran yang besar kerana ia boleh dijadikan bahan herba dalam industri perubatan. Serai dijadikan teh herba untuk minuman kesihatan. Selain itu ia juga dimanfaatkan untuk bahan awet dalam industri makanan dan kosmetik.

Banyak lagi tanaman biasa yang boleh diusahakan kerana tanaman biasa itu kini diberi nilai luar biasa oleh pasaran. Herba yang biasa tumbuh di sekitar kampung boleh diusahakan penanamannya secara sistematik. Ia sangat berharga dalam pasaran herba tempatan dan juga bagi pasaran eksport. Maka keutamaan wajar diberi kepada penanaman tumbuhan herba memandangkan permintaannya yang sangat tinggi pada masa ini.

Sekiranya Melayu desa mampu mengusahakan penanaman herba secara serius, sumbangan mereka amat besar kepada ekonomi negara kerana mampu menahan pe-

ngaliran keluar wang negara melalui import bahan mentah herba. Sekarang ini pengusaha kilang ubat masih mengimport pegaga dari luar negara.

Pertanian di desa tidak boleh lagi dibataskan kepada aktiviti penanaman saja. Ia sewajarnya dihilirkan kepada aktiviti memproses hasil pertanian, pembuatan dan pemasaran. Industri kampung berasaskan bahan pertanian perlu dibangunkan. Ia boleh bermula di belakang rumah (cottage industry).

Secara natural ia akan berkembang maju, akhirnya menjadi kilang kecil di hujung kampung. Bermula dengan kaedah manual, akhirnya menggunakan mesin sederhana. Kalau warga desa Taiwan mampu membangunkan industri kecilnya dengan cara ini mengapa tidak warga desa Melayu?

Apabila kilang memproses makanan dan herba dapat didirikan di desa, kehidupan di desa akan berubah. Penduduk desa tidak lagi perlu keluar mencari kerja di kilang perusahaan. Mungkin gaji bekerja di kilang kecil di kampung rendah, tetapi ia lebih ekonomik dan berbaloi kerana wang pendapatan tidak perlu dihabiskan untuk sewa rumah yang tinggi seperti di bandar dan kos pengangkutan sifar jika berbasikal ke tempat kerja.

Masa pula tidak banyak dibazir dalam kesesakan lalu lintas yang dialami setiap hari oleh warga bandar. Dengan menyediakan banyak peluang bekerja di kilang kecil ini, desa akan kembali meriah dengan tarikan baru - peluang kerja.

Industri kampung berupaya mengubah tanggapan orang Melayu sendiri terhadap kehidupan di desa. Sebahagian besar orang Melayu yang kini berjaya, dahulunya dilahirkan dan dibesarkan di desa. Sebahagian besar anak Melayu yang berada di universiti hari ini berasal dari desa. Melalui misi baru, Melayu yang bergelar pemimpin korporat, eksekutif, sarjana dan profesional wajar kembali menjenguk desa yang lama ditinggalkan seperti kata pepatah tempat jatuh lagi dikenang inikan pula tempat bermain.

Menjelang Syawal warga Melayu bandar sering berbondong kembali ke desa untuk sambut lebaran. Kenapa tidak sering kembali ke desa pada waktu lain, bukan sekadar untuk menziarah keluarga tersayang, tetapi juga untuk menyumbang idea, buah fikiran atau tenaga ke arah mengubah desa yang selama ini berbudi kepada kemajuan bangsa.

**Datuk Dr Mohd Radzi Abdul Latif adalah Presiden Yayasan Kajian dan Strategi Melayu (YKSM)**